

# Menjaga Kenderaan Anda

Kekerapan pembersihan dan penggilapan pada Honda anda adalah penting untuk memastikan jangka hayat yang lebih panjang. Anda lebih senang mengelakkan sesuatu masalah yang berlaku jika kenderaan anda bersih.

Sebagai contoh, air laut dan garam yang digunakan untuk mengelakkan pembentukan ais pada permukaan jalan raya akan mengakibatkan hakisan pada kenderaan anda. Pastikan anda sentiasa membersihkan kenderaan dengan baik selepas menunggang di tepi laut atau jalan-jalan yang mempunyai lapisan garam.

## Pembersihan

Biarakan enjin, peredam, brek dan bahagian-bahagian lain yang bersih sejuk sebelum melakukan pembersihan.

**1.** Bilas kenderaan anda dengan baik menggunakan hos tekanan rendah untuk mengeluarkan kekotoran permukaan.

- 2.** Jika perlu, gunakanlah span atau tua la lembut dengan sabun pembersih untuk menanggalkan kotoran.
- Bersihkan lensa lampu hadapan, panel, dan komponen plastik yang lain dengan berhati-hati agar

tidak meninggalkan kesan calar. Elakkan daripada menyimbah air secara terus ke dalam pembersih udara, peredam dan bahagian-bahagian elektrik.

**3.** Bersihkan kenderaan anda dengan rapi dengan menggunakan air yang banyak, dan keringkannya dengan kain yang lembut dan bersih.

- 4.** Selepas kenderaan dikenyirkan, lincirkan semua bahagian-bahagian yang boleh bergerak dengan minyak pelincir.
- Pastikan tiada minyak pelincir yang tertumpah di bahagian brek atau tayar. Prestasi cakera brek, pad, dram atau kasut brek yang terkena minyak akan terjejas dan mungkin akan menyebabkan kemalangan.

- 5.** Lincirkan rantai pemacu dengan serta merta selepas membersihkan dan mengeringkan kenderaan.
- 6.** Sapukan selapis lilin (wax) untuk mengelakkkan hakisan.
- Elakkan produk yang mengandungi sabun pembersih yang keras atau pelarut kimia. Ihi akan merosakkan logam, cat dan plastik pada kenderaan anda. Jauhkan lilin dari pada tayar dan brek.
- Jangan gunakan lilin pada permukaan mat jika kenderaan anda terdapat bahagian-bahagian permukaan mat.